

Abdul Shukor, Fouad tokoh Maal Hijrah

Penerima peringkat kebangsaan, antarabangsa diiktiraf sumbangan, terima RM110,000

Oleh Sazarina Shahrim
dan Haika Khazi
mfaizul@bharian.com.my

● GAMBAR AFENDI MOHAMED | BERITA HARIAN

PUTRAJAYA: Pengerusi Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKA), Prof Emeritus Dr Abdul Shukor Husin, 69, dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah peringkat kebangsaan 1433H/2011.

Menteri Haji Arab Saudi, Dr Fouad Abdul Salaam Al-Farsy, 65, pula dipilih sebagai Tokoh Maal Hijrah peringkat antarabangsa.

Selaku penerima anugerah, Abdul Shukor dan Dr Fouad, masing-masing akan membawa pulang hadiah wang tunai RM110,000 iaitu RM100,000 sumbangan kerajaan dan RM10,000 lagi diberikan oleh Yayasan Ubaidi, pingat Tokoh Maal Hijrah, cenderahati serta sijil penghargaan bertulisan khat.

Penyampaian anugerah dan hadiah kepada Tokoh Maal Hijrah 2011 disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Mizan Zainal Abidin di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Majlis berkenaan juga turut diserikan dengan kehadiran, Raja Permaisuri Agong, Tuanku Nur Zahirah; Perdana Menteri, Datuk Seri



TUANKU Mizan menyampaikan anugerah kepada Abdul Shukor pada Majlis Sambutan Maal Hijrah Peringkat Kebangsaan tahun 1433H/2011M di PICC, semalam.

Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri, Puan Seri Norainee Abdul Rahman; Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom dan Timbalannya Senator, Datuk Dr Marshitah Ibrahim serta Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JA-

KIM), Datuk Othman Mustapa.

Pemilihan Abdul Shukor dibuat berdasarkan perkhidmatan dan sumbangan beliau kepada negara merangkumi pelbagai bidang ter-

masuk selaku pensyarah, Ketua Jabatan Usuluddin dan Falsafah di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Pengerusi Jawatankuasa Majlis Fatwa Kebangsaan, Pengerusi Panel Syariah Lembaga Tabung Haji, Ahli Penasihat Pensijilan Halal (JAKIM) dan Timbalan Pengerusi Akademi Fiqh Sedunia, Pertubuhan Negara-Negara Islam (OIC).

Dr Fouad pula dipilih berdasarkan jasa dan sumbangannya dalam mentransformasikan dan menaik taraf pelbagai pembesaran ruang solat di Masjidil Haram, pembinaan tempat melontar bertingkat serta sistem pengangkutan awam yang canggih menghubungkan Arafah dan Mina untuk memberikan ke-selesaian kepada umat Islam menunaikan ibadah Haji.

Sementara itu, Abdul Shukor, ketika ditemui melahirkan rasa syukur kepada Allah dan berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana pemilihannya selaku penerima Anugerah Tokoh Maal Hijrah peringkat kebangsaan 1433H/2011.

Katanya, meneruskan tradisi yang baik adalah falsafah tersirat dalam pengertian Hijrah dan hakikat itu perlu difahami serta dihayati sepenuhnya oleh umat Islam di Malaysia jika mahu mencapai kemajuan dan membina tamadun sejagat.